



# Pengarah Pusat Sukan

*Assalamualaikum w.b.t dan jutaan terima kasih kepada En. Afizal Abu Othman di atas kesudian untuk bersama MyUniMAP Edisi XXV. Di sini, MyUniMAP ada beberapa soalan yang ingin dikemukakan bagi menyelami isi hati dan sasaran En. Afizal sebagai Pengarah di Pusat Sukan UniMAP.*

**Semua orang sedia maklum bahawa En. Afizal Abu Othman merupakan perintis dan Pengarah pertama bagi Pusat Sukan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Bolehkah En. Afizal ceritakan mengenai sejarah penubuhan Pusat Sukan dan perkembangannya sehingga kini?**

Jika bercakap soal sejarah penubuhan Pusat Sukan UniMAP, pertama sekali, saya bersyukur dan berbesar hati kerana diberi kepercayaan oleh Naib Canselor kita iaitu Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin untuk menerajui Pusat Sukan UniMAP sebagai pengarah pertama pusat tersebut.

Berbalik kepada soalan MyUniMAP tadi, di sini ingin saya kongsi bahawa sebelum dinaiktaraf sebagai Pusat Sukan, pusat ini terlebih dahulu dikenali sebagai Unit Sukan yang diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UniMAP. Namun, bermula pada 1 Februari 2009, Unit Sukan telah dinaiktaraf menjadi sebuah Pusat dan diletakkan di bawah Jabatan Canselori, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Manakala saya pula secara rasminya dilantik menjadi Pengarah Pusat Sukan pada 2 Mac 2009 di mana sebelum ini saya bertugas di Pusat Sukan Universiti Malaya semenjak Mei 1999. Setakat hari ini, Pusat Sukan mempunyai kekuatan staf seramai 33 orang bagi menggerakkan Pusat Sukan UniMAP. Di usia yang masih mentah ini, Alhamdulillah dengan izinNya, sehingga kini Pusat Sukan mempunyai 5 unit iaitu Unit Pembangunan Sukan Pelajar, Unit Pembangunan Sukan Staf, Unit Kemudahan Sukan, Unit Pengurusan Acara dan Unit Pentadbiran & Kewangan.

**Apakah kursus - kursus yang ditawarkan oleh Pusat Sukan untuk kakitangan dan juga pelajar UniMAP dan adakah kursus - kursus yang ditawarkan oleh Pusat Sukan ini menepati garis panduan yang ditetapkan oleh UniMAP?**

Sebenarnya Pusat Sukan tidak menawarkan kursus-kursus akademik seperti Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) yang lain. Pusat Sukan cuma menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan sukan sahaja seperti Kursus-Kursus Kejurulatihan Sukan, Kursus-kursus Kepegawaian Sukan, Kursus yang berkaitan dengan Sains Sukan serta Rekreasi Sukan dan Klinik-

linik sukan di mana ianya lebih spesifik kepada sukan-sukan tertentu. Kursus-kursus sukan yang ditawarkan ini adalah dengan kerjasama Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia, Majlis Sukan Negeri Perlis, Persatuan-persatuan sukan Negeri Perlis dan Persatuan Sukan Kebangsaan.

**Apakah kemudahan - kemudahan yang disediakan oleh Pusat Sukan untuk para pelajar dan kakitangan UniMAP?**

Untuk makluman MyUniMAP, kemudahan sukan yang kita ada kebanyakannya terletak di Kampus Kubang Gajah, Kolej Kediaman Kampung Wai dan Kolej Kediaman Wang Ulu. Manakala bagi Kompleks Sukan Kampus Pauh masih lagi dalam pembinaan dan Inshaallah dijangka siap pada hujung 2011. UniMAP juga telah diberi jaminan peruntukan sebanyak RM 2.5 juta oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi pembinaan trek sintetik bertaraf antarabangsa. Bagi gimnasium (Bilik Latihan Bebanan) pula, Pusat Sukan telah mendapat peruntukan sebanyak RM230 ribu dari bajet RMK-9 yang telah diluluskan dan gimnasium tersebut telahpun beroperasi di Kolej Kediaman Wang Ulu dan Kolej Kediaman Kampung Wai. Banyak lagi kemudahan sukan seperti Outdoor Gym yang ditempatkan di Kolej Kediaman Simpang Empat, Kolej Kediaman Seberang Ramai dan Kampus Pauh dan telahpun dibuka penggunaannya kepada para pelajar dan staf mulai Januari 2011 yang lalu.

**Setiap kali bermulanya satu tahun yang baru, setiap unit dan jabatan di UniMAP akan merangka aktiviti - aktiviti yang mengisi jadual pergerakan tahunannya. Jadi, apakah aktiviti - aktiviti yang dirangka oleh Pusat Sukan sepanjang tahun.**

Inshaallah bagi tahun 2011 ini, Pusat Sukan telah merangka banyak program baru seperti Karnival Sukan Antara Kolej Kediaman UniMAP, Program XPDC Royal Belum, XPDC Taman Negara Pahang, Program Scuba Diving Open Water di Pulau Perhentian, Xplore Race, Kejohanan Sepak Takraw Piala Naib Canselor, Kejohanan Bola Tampar Terbuka UniMAP, Kejohanan Bola Jaring Terbuka UniMAP, Kejohanan Tennis Universiti Asean, UniMAP Malaysia Run, Klinik Sukan Woodball dan Senamrobik Bersama Tuanku Canselor.

Manakala bagi program-program Pusat Sukan yang sedia ada ialah Siri Sukan MASUM, Karnival Sukan MASUM di UPM, Liga Bolasepak & Futsal KPT, Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP, Kejohanan Sukan Pelajar Antara PPK UniMAP, Kejohanan Sukan Staf Antara Zon, Kejohanan Sukan Badan-Badan Berkanun di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) dan Karnival Sukan Pantai MASUM. Bagi Karnival Sukan MASUM, kita telah merangka jadual latihan untuk pelajar-pelajar kita seawal Januari lagi dan berterusan sehingga sukan tersebut berlangsung. Dengan latihan ini, kita sasarkan untuk memperolehi sekurang-kurangnya 2 pingat emas. Hal ini kerana, pada tahun 2010 para pelajar kita hanya mampu memperolehi pingat perak.



Manakala untuk staf pula, penumpuan kita terarah kepada persiapan menghadapi Kejohanan Sukan Badan-Badan Berkanun di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 9 - 14 Mei 2011 nanti. Kita berharap untuk mengekalkan kedudukan sekarang-kurangnya di tempat ke-3 keseluruhan kejohanan seperti yang telah kita raih dalam kejohanan yang sama pada tahun 2009 di Langkawi atau kita mengharapkan peningkatan yang lebih baik dalam kejohanan itu. Namun, bagi Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti pula, Inshaallah dengan komitmen yang ada pada semua staf yang terlibat, sasaran kita ialah untuk menjadi juara buat kali keempat berturut-turut pada tahun 2011 ini di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

# En. Afizal Abu Othman

**Apakah strategi atau pendekatan yang digunakan oleh En. Afizal bagi merealisasikan matlamat yang digariskan oleh Pusat Sukan sekaligus memberi kesedaran kepada para kakitangan dan pelajar untuk mencintai budaya bersukan?**

Sebenarnya strategi atau pendekatan bagi membudayakan sukan di UniMAP ini telah dimulakan oleh Y.Bhg. Dato' Naib Canselor UniMAP sendiri dengan memperkenalkan Senamrobik Bersama Naib Canselor setiap minggu (pada hari Rabu) dengan penyertaan daripada semua staf semenjak 2003 lagi iaitu dari mula UniMAP ditubuhkan tetapi waktu itu dikenali sebagai KUKUM. Saya percaya dengan pendekatan yang diperkenalkan oleh Dato' Naib Canselor melalui aktiviti kecergasan ini akan membantu membudayakan sukan di UniMAP. Sebenarnya kerja saya menjadi lebih mudah, memandangkan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor sendiri adalah peminat No. 1 sukan dan beliau akan sentiasa menyokong program-program sukan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan. Antara program sukan yang paling berjaya ialah Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP di mana ianya melibatkan penyertaan keseluruhan warga UniMAP. Melalui kejohanan ini, semua staf akan bersama-sama mengembleng tenaga bagi menjayakan kejohanan tersebut sama ada sebagai urusetia, peserta, sukarelawan dan turut terlibat dalam majlis-majlis rasmi yang akan dihadiri oleh Tuanku Canselor UniMAP.

Walaupun bagaimanapun, Pusat Sukan juga tidak ketinggalan dalam membuat pelbagai perancangan dengan memperbanyakkan program-program sukan untuk para pelajar seperti Kejohanan Sukan Antara PPK, Karnival Sukan Antara Kolej Kediaman, dan program-program Rekreasi. Hal ini kerana, UniMAP mensasarkan penglibatan yang besar dengan anggaran 80% di kalangan para pelajar UniMAP akan melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan mencapai tahap kesihatan yang baik disamping berjaya menerapkan budaya bersukan di kalangan warga kampus.

**Apakah kelebihan yang terdapat di Pusat Sukan yang tidak terdapat di Pusat Sukan di IPT lain?**

Saya pasti jika ditanya kepada IPT lain, pasti jawapan yang akan diterima adalah berdasarkan lokasi, staf Pusat sukan atau peralatan yang disediakan. Namun, saya secara jujur berpendapat bahawa kelebihan yang terdapat di Pusat Sukan bukanlah terletak kepada lokasi atau peralatan yang ditawarkan tetapi yang penting adalah sokongan 100% dari Y.Bhg. Dato' Naib Canselor khasnya dan secara umumnya sokongan dari barisan Pengurusan Universiti serta seluruh warga kampus di dalam apa jua aktiviti yang dianjurkan oleh Pusat Sukan. Ini

menjadikan Pusat Sukan UniMAP mempunyai kekuatan yang tersendiri di samping komitmen jitu yang diberikan oleh staf Pusat Sukan sendiri yang mempunyai latar belakang sebagai seorang atlet atau bekas atlet negeri dan kebangsaan. Saya juga berpendapat bahawa antara kelebihan lain yang terdapat di UniMAP adalah lantikan ikon sukan yang berperanan bagi menarik minat staf dan juga pelajar untuk lebih dekat dengan budaya bersukan dan juga Pusat Sukan UniMAP. Antara ikon sukan kita adalah Nazmizan Muhammad dan Mohd. Robani Hasan bagi acara olahraga, Mohd Azman Nasrudin bagi sukan takraw dan Adrien Jurad Chamrong dalam sukan bola sepak.

**Setakat hari ini, apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh En. Afizal dan kakitangan Pusat Sukan dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepada Pusat Sukan dalam membantu meningkatkan UniMAP setanding dengan universiti yang lebih lama?**

Setakat hari ini, cabaran yang dihadapi oleh kami di Pusat Sukan ialah bagi menarik minat para pelajar untuk mewakili UniMAP dalam kejohanan-kejohanan MASUM. Hal ini kerana di dalam MASUM juga, pencapaian yang kita raih masih lagi tidak setanding universiti-universiti lama yang mempunyai pengajian Sains Sukan. Memandangkan core business UniMAP ialah Kejuruteraan, oleh itu para pelajar kita lebih banyak memberi tumpuan kepada akademik berbanding sukan. Tetapi ini tidak sesekali mematahkan semangat kami dan kami menganggap ini sebagai satu cabaran yang perlu disahut dengan mengambil sikap yang positif. Kami telahpun memulakan latihan pusat mulai Januari 2011 yang lalu sebagai persediaan untuk menghadapi Sukan MASUM serta menyertai kejohanan-kejohanan jempunan untuk meningkatkan lagi tahap keyakinan atlet dan ini dijadikan sebagai pengukur prestasi atlet dari semasa ke semasa. Sasaran saya adalah untuk melatih atlet-atlet UniMAP sehingga layak untuk mewakili Malaysia dalam Sukan Universiti Asean (AUG) atau Sukan Universiti Dunia (Universiade).

Manakala sukan bagi staf pula, kami tiada masalah kerana kebanyakan staf UniMAP mempunyai latar belakang dalam bidang sukan. Ini merupakan perkara positif yang diamalkan oleh Y.Bhg. Dato' Naib Canselor dengan pengambilan staf di kalangan atlet sukan di mana ini tidak dilakukan oleh universiti-universiti lain.

**Apakah pandangan En. Afizal mengenai Pusat Sukan, maksud saya kekurangannya dan cara En. Afizal menanganinya (penambahbaikan)?**

Sebenarnya, saya berpendapat bahawa Pusat Sukan UniMAP amat bertuah kerana mempunyai staf-staf yang berpengalaman walaupun dalam usia yang muda. Berpengalaman sebagai atlet dan menjadi staf di Pusat Sukan membolehkan staf di sini mencurahkan pengalaman dan keringat yang ada bagi meningkatkan prestasi Pusat Sukan setanding dengan Pusat Sukan IPTA yang lain ataupun mencapai tahap yang lebih baik.



Secara peribadi, saya bersyukur walaupun Pusat Sukan baru sahaja berusia dua tahun pada 1 Februari 2011 yang lalu tetapi dengan komitmen dan kerja keras staf yang sentiasa memberi sokongan dalam pembangunan sukan di UniMAP telah menjadikan Pusat Sukan amat dikenali di kalangan warga sukan di Malaysia. Hubungan yang baik dan kerjasama yang akrab antara UniMAP dengan MASUM dan Bahagian Sukan KPT juga turut membantu meningkatkan kualiti sukan di UniMAP. Namun, saya percaya masih banyak lagi cabaran yang akan dihadapi oleh Pusat Sukan UniMAP lebih-lebih lagi dengan adanya Kompleks Sukan Kampus Pauh yang sudahpun siap 70 peratus dan dijangka akan siap sepenuhnya hujung tahun ini. Masih banyak lagi penambahbaikan akan dilakukan dari semasa ke semasa dan kami di Pusat Sukan sentiasa bersedia menerima teguran serta cadangan dari rakan-rakan di luar dari Pusat Sukan.

**Apakah yang En. Afizal harapkan dari Pusat Sukan untuk 10 tahun dari sekarang?**

Insyallah, saya ingin menjadikan Pusat Sukan sebagai tempat rujukan dan menjadi contoh yang terbaik bagi pembangunan dan perkhidmatan sukan di Malaysia. Saya juga berharap agar kemudahan sukan UniMAP akan dipertingkatkan agar di suatu masa nanti UniMAP akan dapat menganjurkan Sukan Universiti Asean atau SUKMA 2014 atau Kejohanan Sukan bertaraf dunia dengan sokongan penuh seluruh warga UniMAP.